

Kebangkitan Pasir Puteh 1915: Menghimbau dan Menghayati Perjuangan Tok Janggut 100 Tahun Yang Lalu

Oleh

Abdullah Zakaria bin Ghazali
Felo Persatuan Sejarah Malaysia
Persatuan Sejarah Malaysia
Kuala Lumpur

Pendahuluan

100 tahun lalu, pada 1915, berlaku peristiwa bersejarah di Malaysia, khususnya di Pasir Puteh, Kelantan. Peristiwa bersejarah ini dikenali berbagai nama dalam sejarah Kelantan. Misalnya, Kebangkitan Pasir Puteh, Kebangkitan Tok Janggut, Perang Tok Janggut dan Musuh Tok Janggut. Dalam pada itu disebut juga sebagai, Penderhakaan Tok Janggut dan Pemberontakan Tok Janggut. Namun begitu dalam kertas kerja ini dipilih "Kebangkitan Pasir Puteh 1915". Judul ini dipadankan sempena dengan tempat meletusnya kebangkitan tersebut, iaitu Pasir Puteh. Sementara itu tahun 1915 pula adalah sempena meletusnya Kebangkitan Pasir Puteh pada tahun 1915.

Walau pun begitu tidak menjadi halangan jika kebangkitan di Pasir Puteh ini dijudulkan sebagai Kebangkitan Tok Janggut, Kebangkitan Kelantan, Musuh Tok Janggut atau Perang Tok Janggut. Namun begitu adalah tidak tepat jika dijudulkan sebagai Penderhakaan Tok Janggut atau Pemberontakan Tok Janggut. Penderhakaan dan Pemberontakan tidak tepat kerana Tok Janggut menyatakan dia tidak menentang kerajaan atau Sultan, tetapi menegakkan nilai tempatan dan menghalau orang asing. Sementara itu Tok Janggut juga menyatakan adalah tanggungjawab penganut agama Islam untuk menghalau penjajah dari bumi Kelantan. Kebangkitan Pasir Puteh 1915 ini dipimpin Haji Mat Hasan bin Munas, lebih dikenali dengan panggilan Tok Janggut, dan mendapat sokongan padu daripada Engku Besar Jeram Tuan Ahmad. Dari sisi

pimpinan, Kebangkitan Pasir 1915 ini berbeza dengan gerakan tentangan lain di Malaysia kerana ketuanya adalah orang biasa, tetapi disokong keturunan bangsawan. Di Kedah gerakan menentang British dipimpin oleh Sultan Abdullah dan pembesar. Begitu juga gerakan menentang British, kecuali Terengganu dipimpin oleh Sultan atau golongan bangsawan. Terengganu dipimpin oleh ulama, Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong; Nanning, dipimpin oleh Penghulu Dol Said; Perak oleh Sultan Abdullah dan Sultan Ismail; Negeri Sembilan, Dato' Shahbandar Abdullah Tunggal dan Yamtuan Tuanku Antah; Pahang, Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau; Sarawak, Rentap, Sharif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Ghapur; dan Sabah, Datu Paduka Muhammad Saleh. Kebangkitan Pasir 1915, menjadi istimewa lagi kerana muncul sebagai negeri Melayu di bawah Penasihat British pertama menentang British. Menjadi hasrat dan perbincangan kertas ini bagi menjelaskan matlamat dan Kebangkitan Pasir Puteh 1915, untuk dihimbau dan dihayati. Dengan itu bagi menjelaskan hasrat tersebut, kertas ini akan menyentuh beberapa aspek: Rasa Tidak Puas Hati dan Resah Gelisah, Kebangkitan Pasir Puteh, Tindak Balas Terhadap Kebangkitan Pasir Puteh, Menghimbau dan Menghayati Perjuangan Tok Janggut, dan akhirnya Kesimpulan.

Rasa Tidak Puas Hati dan Resah Gelisah

Kebangkitan Tok Janggut yang meletus pada bulan April 1915 ini adalah menentang peraturan baru yang diperkenalkan oleh British, khususnya di Pasir Puteh, terutamanya setelah mereka terlibat dalam pentadbiran Kelantan mulai tahun 1910. Kebangkitan ini dipimpin oleh Haji Mat Hasan bin Munas, lebih dikenali dengan panggilan Tok Janggut. Dalam gerakannya ini Tok Janggut mendapat sokongan dan bantuan daripada Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Said, Che Ishak, Penghulu

Adam, Tok Husin, Tok Abas, Tok Laboh dan Tok Deraman.

Walaupun British dengan rasminya melantik Penasihat British yang pertama di Kelantan selepas perjanjian di antara Kelantan-Great Britain yang ditanda tangani pada tahun 1910, tetapi perubahan pentadbiran Kelantan telah pun berlaku sejak W.A. Graham menjadi Pesuruhjaya Siam di Kelantan. Pada tahun 1902 Perjanjian Siam-Great Britain ditanda tangani; seorang Pesuruhjaya Siam dilantik di Kelantan. Begitu juga, Sultan Kelantan bersetuju dengan perlantikan Pesuruhjaya Siam ini. Jawatan ini disandang oleh bangsa British, W.A. Graham pada tahun 1903. Apabila menjadi Pesuruhjaya Kelantan, W.A. Graham memperkenalkan pembaharuan. Misalnya menyusun pentadbiran dan membentuk jabatan, antaranya perbendaharaan negeri. Dalam pada itu dalam usaha perlaksanaan undang-undang dan keamanan W.A. Graham menyusun polis sedia ada, dan membina balai polis di Kota Bharu pada tahun 1904.

Perubahan yang tidak kurang penting dilakukan oleh W.A. Graham ialah pembentukan jajahan. Lima jajahan dibenTok: Kota Bharu, Pasir Puteh, Batu Mengkebang (kemudiannya dikenali sebagai Hulu Kelantan), Kuala Lebir dan Kuala Kelantan. Tiap-tiap jajahan ini dilantik seorang pentadbir bergelar pegawai jajahan; kuasanya mencangkupi magistrat, pegawai tanah dan pemungut cukai.¹

Sehubungan pembentukan Jajahan atau Daerah Pasir Puteh, pada tahun 1905, Encik Ibrahim, berasal dari Singapura dilantik sebagai Ketua Jajahan atau Pegawai Jajahn Pasir Puteh yang pertama. Ketua Jajahan bertanggungjawab ke atas pungutan cukai, tanah dan kehakiman. Pembentukan jajahan Pasir Puteh ini telah menggugat kuasa dan wibawa pembesar tempatan di Pasir Puteh yang bergelar Engku Besar Jeram. Engku Besar Jeram tidak lagi berkuasa dalam jajahan Pasir kerana

kuasa kehakiman dan pungutan cukai diambil alih oleh Ketua Jajahan.

Ketika pemerintahan Sultan Muhammad IV berlaku perubahan lagi pada tahun 1909. Pada tahun ini Kerajaan British dan Siam menandatangani perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Bangkok. Antara lain dalam perjanjian ini kerajaan Siam menyerahkan Kelantan kepada kerajaan Great Britain. Dengan itu kerajaan British melantik J.S. Mason sebagai Penasihat British Kelantan. J.S. Mason dan wakil Siam datang ke Kota Bharu dengan kapal *S.S. Belle*. Kedua-nya menghadap Sultan Muhammad IV memaklumkan persetujuan antara kerajaan Siam dengan kerajaan British melalui Perjanjian Bangkok 1909. Dalam pertemuan tersebut Sultan Muhammad IV menolak perjanjian tersebut. Dengan itu Penasihat British J.S. Mason dan wakil Siam pulang ke Singapura.

Oleh kerana Sultan Muhammad IV tidak menerima perjanjian Bangkok, kerajaan British berunding dengan baginda untuk mewujudkan perjanjian lain. Akhirnya perjanjian ditandatangani di antara kerajaan Kelantan dengan kerajaan British pada tahun 1910 (17 Syawal 1328). Antara lain, berkuatkuasa perjanjian itu fasal dua mencatatakan:

Maka Duli Yang Maha Mulia King Benua Inggeris sahajalah yang boleh meletakkan pegawai yang memberi nasihat dalam negeri Kelantan dan penolong pegawai itu menjadi ganti atau wakil Yang Maha Mulia King Benua Inggeris maka Raja Kelantan berjanji bolehlah ia membayar kepada tuan-tuan pegawai itu seperti belanja seberapa yang ditentukan kerajaan Duli Yang Maha Mulia King Benua Inggeris dan memperbuat rumah yang layak tempat kediaman tuan pegawai itu serta pula Raja Kelantan berjanji bolehlah ia menurut dan menjalankan nasihat tuan pegawai itu segala hal pemerintahan negeri yaitu lain daripada agama Islam dan istiadat Melayu maka apabila tuan pegawai itu tiada hadir hendaklah diturut tuan penolong pegawai itu.²

Berkuatkuasa Perjanjian 1910 itu buat pertama kali menerima seorang Penasihat

British. Dengan itu J.S. Mason dihantar ke Kelantan untuk memegang jawatan Penasihat British. Berkuatkuasa perjanjian itu juga Sultan Kelantan berjanji mengikut dan melaksanakan nasihat Penasihat British dalam semua perkara kecuali agama Islam dan adat Melayu. Dalam pada itu Sultan Kelantan juga tidak dibenarkan membuat hubungan dengan kuasa luar tanpa melalui Penasihat British. Pada 22 Jun 1911, Sultan Muhammad ditabalkan sebagai Sultan Kelantan bergelar Sultan Muhammad IV di Istana Balai Besar, Kota Bharu.³ Seterusnya baginda diktirafkan oleh British sebagai Sultan Kelantan. Sementara itu British juga mengiktiraf putera baginda, Tengku Ismail sebagai bakal Sultan Kelantan. Dengan itu Raja Muda Tuan Zainal Abidin tidak lagi sebagai bakal Sultan Kelantan.

J.S. Mason meneruskan rancangan W.A. Graham, dan menambahbaik; misalnya pendaftaran perpindaan tanah mengisytiharkan sijil hak milik tanah. Beliau juga mengisytiharkan peraturan tanah, di mana tanah terbiar selama tiga tahun akan menjadi hak negeri. Dalam pada itu J.S. Mason juga mengeluarkan peraturan tidak boleh menjual tanah kepada orang asing, kecuali mendapat kebenaran Majlis Mesyuarat Negeri. Sementara itu, J.E. Bishop, pengganti J.S. Mason sebagai Penasihat British, memindahkan bantahan tanah dari mahkamah awam ke mahkamah tanah. Seterusnya peraturan tanah terus mengalami perubahan ketika Penasihat British W. Langham-Carter yang menggantikan J.E. Bishop.⁴

Pada tahun 1914 satu peraturan baru notis No. 4/1914 dikeluarkan yang menyatakan peraturan baru tanah akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1915. Dalam peraturan baru ini, antara lain menyatakan semua tanah diwajibkan bayar cukai, sama ada diusahakan atau tidak diusahakan. Peraturan cukai baru ini bercanggah dengan peraturan yang dilaksanakan sebelum ini. Jika sebelum ini bayaran cukai hanya

dikenakan terhadap tanah yang dikerjakan dan mendapat hasil sahaja. Di samping itu jika hasil yang ddapati daripada tanah tersebut tidak sampai jumlah yang patut dikenakan cukai akan dikecualikan. Ini bermakna, cukai yang dikenakan adalah berdasarkan jumlah hasil. Jika banyak hasil, tinggilah cukai dikenakan; jika rendah sedikit pula cukai dikenakan.⁵ Peraturan baru yang diperkenalkan ini menyatakan cukai tanah kelas satu \$1.00 hingga \$1.20 sekar; kelas dua, 80 sen sekar; kelas ketiga, 60 sen seekor; dan kelas empat, 40 sen sekar. Selain itu cukai tiga sen sepokok dikenakan ke atas sebatang pokok kelapa, dan satu sen sepokok ke atas sebatang pokok pinang.⁶ Namun begitu pokok pinang hanya akan dikenakan cukai apabila jumlah yang dimiliki melebihi sepuluh pokok.⁷ Selain tanah, lembu dan kerbau juga diwajibkan daftar setelah berumur 18 bulan, dan bayarannya di tempat pembayaran dalam daerah masing-masing. Pendaftaran ini dinyatakan sebagai usaha mengelakkan daripada berlakunya kecurian.⁸ Bayaran pendaftaran 20 sen seekor, dan hanya unTok sekali sahaja.⁹

Kebangkitan Pasir Puteh 1915

Pengenalan peraturan baru dan penguatkuasaan itu mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk Pasir Puteh. Dalam keadaan kegelisahan tidak puas hati ini Tok Janggut (Haji Mat Hasan bin Munas) dengan bantuan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad mjuncul memimpin gerakan menentang peraturan baru di Pasir Puteh pada tahun 1915. Dalam pada itu Tok Janggut juga mendapat sokongan daripada Haji Said, Penghulu Adam, Che Isjak, Tok Abas, Tok Husin, Tok Labuh dan Tok Deraman. Tok Janggut dan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad mengadakan mesyuarat di Jeram. Antara mereka yang hadir, Tok Janggut, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Said, Tok Abas, Che Ishak, Penghulu Labuh, Tok Husin dan Tok

Deraman. Sementara itu dalam mesyuarat ini, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad menyatakan tidak akan membenarkan pungutan cukai dilaksanakan di Pasir Puteh. Dalam pada itu Tok Janggut mengisytiharkan perang jihad kerana British ingin memerintah Pasir Puteh. Sementara itu Tok Labuh pula menyatakan Tok Janggut telah tua, dan tidak berupaya mengangkat senjata, dan mereka tidak mempunyai senjata yang lengkap. Dengan itu beliau mencadangkan mengadu kepada Sultan.¹⁰ Mesyuarat sekali lagi diadakan di Kampung Tok Akib pada 29 April 1915. Antara mereka yang hadir, Tok Janggut, Haji Said, Penghulu Adam, Raja Chik, Che Mamat, Pak Da Soh dan Mamat Pak Labuh. Dalam mesyuarat ini keputusan dicapai: memulau peraturan baru, dan melancarkan serangan ke atas Pasir Puteh¹¹

Sehubungan keputusan salah satu mesyuarat pada 29 April 1915, pasukan Tok Janggut menyerang dan menduduki bandar Pasir Puteh pada 29 April 1915. Tok Janggut dan pasukannya menduduki pekan Pasir Puteh selama tiga hari. Ketika menduduki Pasir Puteh ini terdapat pengikut Tok Janggut membakar fail dan membebaskan tahanan. Dalam pada itu kumpulan Tok Janggut ini membakar beberapa buah rumah kedai dan mengambil barang dari kedai tersebut.¹² Juga ketika menduduki pekan Pasir Puteh satu, upacara diadakan melantik Engku Besar Jeram Tuan Ahmad sebagai Pemerintah Pasir Puteh, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan dibantu oleh Haji Said, dan Che Ishak sebagai Ketua Jajahan.¹³

Tindak Balas Terhadap Kebangkitan Pasir Puteh

Penasihat British, W. Longham-Carter menerima berita serangan Tok Janggut terhadap Pasir Puteh, menasihat Sultan Muhammad IV pada 30 April 1915, mengumpul kekuatan menjaga Kota Bharu. Sementara itu Penasihat British meminta bantuan dari Singapura. Dengan itu pada 1 Mei 1915, Sultan Muhammad IV

menitahkan Dato' Menteri Muhammad Hasan bin Muhammad Salleh dan Dato' Bentara Setia Nik Mahmud bin Nik Ismail ke Pasir Puteh berunding dengan pemimpin kebangkitan. Kedua-duanya tiba di Kampung Cherang Tuli, Pasir Puteh, tetapi tidak berunding; sebaliknya pulang ke Kota Bharu pada 2 Mei 1915. Sebelum ini, kedua-duanya mewakili Imam Abdul Kadir Cherang Tuli untuk berunding dengan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad dan Tok Janggut. Pada 3 Mei 1915, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad dan beberapa pengikutnya datang berunding dengan Imam Abdul Kadir. Sererusnya pada hari yang sama, Imam Abdul Kadir datang ke Kota Bharu menghadap Sultan Muhammad IV melaporkan rundinganya dengan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad. Sultan Muhammad IV menganugerahkan 20 kayu kain warna merah unTok dipotong sebesar empat jari tiap-tiap satu dan dibahagikan kepada penduduk Pasir Puteh untuk dipakai. Jika memakai kain tersebut, memihak kerajaan; sebaliknya ingkar bererti menentang kerajaan. Tok Janggut dan pengikutnya tidak memakai kain tersebut kerana mereka tidak menderhaka kepada kerajaan. Jika mereka memakai bererti mereka menderhaka sebelum ini. Dengan kerajaan mengisytiharkan Tok Janggut, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Said, Penghulu Adam dan Che Ishak sebagai penderhaka.¹⁴

Sehubungan dengan Kebangkitan Pasir Puteh 1915, gerakan mengatasi kebangkitan Pasir Puteh dilancarkan kerajaan Kelantan yang dinasihati Penasihat British dan angkatan bersenjata British. Bantuan dari Singapura seramai 239 orang di bawah pimpinan Kolonel C.W. Brownlow dengan kapal S.S. *Kapal* dan pasukan di bawah Kapten Marryat dengan kapal H.M.S. *Cadmus* tiba di Kelantan pada 5 Mei 1915. Kemudiannya pada 12 Mei 1915, pasukan *Malay States Guides* tiba pula di Kelantan dengan kapal S.S. *Calypso*.¹⁵ Pasukan di bawah pimpinan Kolonel C.W.

Brownlow tiba di Pasir Puteh pada 9 Mei 1915. Namun begitu pasukan ini gagal menahan Tok Janggut dan pemimpin lain. Seiringan dengan itu tawaran hadiah \$500.00 dikeluarkan kepada mereka yang berjaya menangkap Tok Janggut atau Engku Besar Jeram Tuan Ahmad. Juga tempoh tujuh hari diberikan kepada Tok Janggut, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said, dan Che Ishak menyerah diri, jika tidak rumah mereka akan dibakar.¹⁶ Dalam tempoh tersebut, hanya Penghulu Adam menyerah diri. Dengan itu pasukan British membakar rumah Tok Janggut, Haji Said dan Che Ishak. Serelah mendapat tahu rumah mereka dibakar, Tok Janggut bertindak balas melancarkan serangan ke atas Pasir Puteh pada 23 Mei 1915, dan berundur di waktu subuh.¹⁷

Serangan pasukan Tok Janggut ini menyebabkan pasukan British mengambil bertindak balas. Pada 24 Mei 1915, pasukan British seramai 50 orang Sikh dan tujuh orang Eropah di bawah pimpinan Mejar Borton bergerak ke Jeram untuk mengenasi kedudukan Tok Janggut. Pada ketika ini pasukan Tok Janggut berkumpul di Kampung Dalam Pupuh. Seterusnya pertempuran berlaku antara pasukan British dengan pasukan Tok Janggut di Kampung Dalam Pupuh. Dalam pertempuran ini Tok Janggut terkorban; Engku Besar Jeram Tuan Ahmad tercedera dan diselamatkan oleh Awang Deraman ke Reman, Selatan Thailand.¹⁸ Mayat Tok Janggut diarakkan dengan kereta lembu di pekan Pasir Puteh, dan kemudiannya ke Kota Bharu. Ketaka di Kota Bharu, mayat Tok Janggut diarakkan lagi sebelum disait, digantung kepala ke bawah di Padang Bank atau Padang Merdeka, Kota Bharu selama satu jam. Kemudiannya mayat Tok Janggut dibawa dan dikebumikan di Pasir Pekan, Kota Bharu.¹⁹

Selain tindak balas ketenteraan terhadap Kebangkitan Tok Janggut 1915, kerajaan Kelantan yang dinasihati Penasihat British mengeluarkan notis menawar

hadiah kepada barangsiapa yang berjaya menangkap mereka yang terlibat dalam kebangkitan Tok Janggut itu. Pada 12 Mei 1915 kerajaan mengedarkan surat berjudul "Peruwa-wa Notis" yang bercop mohor Sultan Muhammad Kelantan.

Dalam surat "Peruwa-wa Notis" ini dicatatkan "penderhaka" mengangkat senjata melawan baginda sultan, dan mencetuskan huru hara, kesusahan, kecederaan dan kematian rakyat baginda. Juga dicatatkan kumpulan ini merosakkan harta benda kerajaan, orang Eropah, Melayu dan Cina. Dalam pada itu lima orang dipertanggungjawabkan dalam perkara tersebut, iaitu Engku Besar Jeram Tuan Ahmad (tinggal di Kampung Jeram), Haji Mat Hasan (tinggal di Kampung Nering), Penghulu Adam (tinggal di Kampung Kelubi), Haji Said (tinggal di Kampung Cherang Tuli) dan Che Sahak (tinggal di Kampung Nering). Kelima-lima pemimpin ini diarahkan menyerah diri kepada kerajaan dalam tempoh tujuh hari. Jika ingkar, rumah mereka akan dibakar, dan harta mereka akan dirampas oleh kerajaan. Dalam pada itu itu notis ini juga mencatatkan, mereka yang berjaya menangkap ketua yang dikehendaki oleh kerajaan itu akan diberikan hadiah. Sementara itu, jika pemimpin yang dikehendaki itu terbunuh ketika usaha menangkapnya, kematian itu, tidak disifatkan melakukan kesalahan.²⁰

Walaupun notis yang dikeluarkan itu tamat tempoh tujuh hari, tetapi Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Mat Hasan, Peghulu Adam, Haji Said dan Che Sahak tidak menyerahkan diri. Dengan itu sebagai tindakan susulan terhadap tamat tempoh tersebut, kerajaan Kelantan mengeluarkan dan mengedarkan surat "Peruwa-wa Notis" bertarikh 20 Mei 1915 dan bercop mohor Sultan Muhammad. Dalam surat notis itu, elain mencatatkan tempoh menyerah diri tamat, dan mereka yang dikehendaki tidak berbuat demikian, kerajaan menawarkan hadiah 500 ringgit tiap-tiap seorang kepada

sesiapa yang berjaya membawa ketua tersebut, sama ada hidup atau mati kepada kerajaan.²¹

Sementara itu, selain mengeluarkan notis menyerah diri dan hadiah tangkapan, Sultan Muhammad juga mengeluarkan "Peruwa-wa Notis" bertarikh 23 Mei 1915 menghukum dan mendenda penduduk Pasir Puteh yang terlibat dalam kebangkitan Tok Janggut. Dalam notis ini dcatatkan, setiap rumah besar dikehendaki membayar denda sebanyak \$10.00; rumah sederhana, \$5.00 dan rumah kecil \$3.00. Bayaran denda ini hendaklah dibuat dalam tempoh 15 hari notis ini dikeluarkan. Jika sekiranya ingkar atau gagal berbuat demikian, rumah dan harta benda dalam rumah mereka akan dibakar.²² Kemudiannya Balai Besar mengeluarkan lagi "Peruwa-wa Notis" bercop mohor Sultan Muhammad, bertarikh 26 Mei 1915. Notis ini mencatatkan titah, hukuman dan denda kepada penduduk Pasir Puteh. Dalam notis ini Sultan Muhammad menitahkan penduduk Pasir Puteh kembali ke rumah masing-masing kerana keadaan Pasir Puteh telah aman. Dalam pada notis itu juga menyatakan soldadu (askar) menjaga keamanan Pasir Puteh. Setersnya dalam hal berkaitan hukuman dan denda pula, notis ini mengingatkan penduduk Pasir Puteh yang ingkar kembali ke Pasir Puteh disifatkan bersubahat menderhaka. Sehubungan itu harta mereka akan dirampas dan mereka yang terlibat itu akan dikenakan hukuman setimpal.²³

Kemudian, kerajaan Kelantan mengeluarkan notis, menyeru penduduk Pasir Puteh menyerahkan senjata masing-masing di balai polis, Pasir Puteh, atau berhampiran dalam tempoh 60 hari daripada tarikh notis tersebut. Senjata ini akan diserahkan kembali kepada tuan punyai, apabila didapati mereka tidak terlibat dalam kebangkitan Pasir Puteh yang dirujuk sebagai "Pekerjaan Jahat". Selain itu mereka

yang hendak menerima kembali senjata itu dikehendaki bersumpah menolong menyelamatkan kerajaan dan sultan Kelantan.²⁴

Seterusnya kerajaan Kelantan mengeluarkan "Peruwa-wa Notis" bercop mohor Sultan Muhammad, bertarikh 8 Jun 1915, menyenaraikan 21 nama dan menyatakan tawaran hadiah kepada baringsiapa yang berjaya menangkap mereka yang disenaraikan dalam notis tersebut. Senarai nama adalah seperti berikut: Pak Ya, Lubuk Kawah, \$500.00; Mamat bin Labuh, Saring, \$500.00; Haji Chik, Cherang Tuli, \$500.00; Che Ahmad, Kampung Nering, \$400.00; Haji Senik, Alor Badak, Gong Tapan, \$400.00; Tok Nebeng Dutan, Banggol, Hulu Besut, \$250.00; Awang Ngah bin Muhammad Din, Nering, \$250.00; Samad bin Damid, Nering, \$250.00; Penghulu Deraman, Teratak Batu, Hulu Besut, \$250.00; Berahim, Teratak Batu, Hulu Besut, \$250.00; Pak Mat Seman, Teratak Batu, \$250.00; Pak Deris, Teratak Batu, Lubuk Kawah, \$250.00; Jenal, Kampung Merkam, \$250.00; Pak Nik Leh, Kampung Merkam, \$250.00; Pak Mek Teh, Kampung Telosan, \$250.00; Chik bin Tok Balu, Kampung Telosan, \$250.00; Tok Deris, Teratak Batu, Lubuk Kawah, \$250.00; Berahim, Teratak Batu, \$250.00; Pak Wan Deraman, Teratak Batu, Lubuk Kawah, \$250.00; Tok Mamat, Telosan, \$250.00, dan Pak Musari, Telosan, \$250.00.²⁵

Dalam gerakan memburu mereka yang terlibat dalam kebangkitan Pasiri Puteh 1915 ini, beberapa telah ditangkap. Berahim Teleng ditangkap dan dibicarakan. Beliau didapati bersalah oleh mahkamah, dan dijatuhkan hukuman tembak pada 22 Ogos 1915. Sementara itu Pak Ya, ditembak oleh Haji Lembek dan Jaafar, suruhan Engku Chik di Lepar Setar pada 26 Oktober 1915. Dalam pada itu Penasihat British Kelantan menghubungi pihak berkuasa Siam di Narathiwat unTok menahan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad disyaki berada di Reman, Jala, Selatan Thailand. Sementara itu Pak Man

Seman dan Deraman bin Akil dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Setersnya Penghulu Adam dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$10,000.00 dan hukuman penjara 10 tahun.²⁶

Setelah keadaan terjamin aman, kerajaan Kelantan mengeluarkan notis "Notis Memberitahu", pada 18 September 1915, menyatakan huru hara di Pasir Puteh telah berakhir. Sehubungan itu Sultan Muhammad menyeru penduduk Pasir Puteh kembali ke rumah masing-masing. Tempoh pulang ke rumah masing-masing itu dilanjutkan sehingga 1 Januari 1916. Namun begitu baginda mengingatkan penduduk yang tidak kembali dalam tempoh yang ditetapkan itu akan disifatkan sama seperti penderhaka, dan tindakan akan diambil. Tindakannya pula, harta benda akan dirampas, dan didakwa mengikut sewajarnya.²⁷

Menghimbau dan Menghayati Perjuangan Tok Janggut

Satu hal yang tida dapat dinafikan, Kebangkitan Pasir Puteh 1915 memiliki banyak kearifan. Kearifan ini sangati dihimbau dan seterusnya dihayati. Jikau ditinjau dari sudut kepimpinan, Kebangkitan Pasir Puteh 1915, diketuai Haji Mat Hasan bin Munas atau dikenali sebagai Tok Janggut adalah rakyat biasa dan seorag bergelar Haji. Namun begitu dalam pimpinan tersebut, Tok Janggut disokong kuat oleh Engku Besar Tuan Ahmad. Engku Besar Tuan Ahmad ini ialah golongan bangsawan, keturunan pemerintah Pasir Puteh. Walaupun bergelar Haji, adalah sukar unTok dikategorikan Tok Janggut sebagai ulama. Namun begitu beliau boleh digolongkan sebagai tokoh tempatan, memiliki ketokohan sebagai agamawan, lebih-lebih lagi setelah pulang dari Mekah. Sementara itu ketika berada di Mekah, Tok Janggut berguru dengan Sheikh Ahmad al-Patani. Sheikh Ahmad al-Patani pula adalah murid Sheikh Daud bin Abdullah al-Patani. Sheikh Daud al-Patani menekankan antara lain

dalam penguasaannya, menjadi kewajiban umat Islam berjihad jika negeri mereka dijajah kaum kafir. Perjuangan jihad berterusan, sehingga negeri bebas daripada kekuasaan kaum kafir. Perjuangan Jihad Sheikh Daud bin Abdullah al-Patani ini diwarisi oleh muridnya, Sheikh Ahmad al-Patani, dan seterusnya diwarisi Tok Janggut.²⁸

Seterusnya fahaman jihad ini dibawa dan ditgeruskan oleh Tok Janggut ketika kembali di Pasir Puteh. Oleh sebab itu, antara ungkapan beliau ketika menyuarakan tentangan terhadap peraturan baru yang diperkenalkan di Kelantan, khususnya di Pasir Puteh, Tok Janggut menyatakan kedatangan British ke Kelantan adalah untuk memerintah, dan dengan itu menjadi tanggungjawab penduduk menghalau British keluar dari Kelantan. Ungkapan Tok Janggut ini membuktikan tersiratnya kesedaran konsep negeri Islam (Dar'ul Islam) yang seterusnya menjadi tanggungjawab orang Islam menghalau British keluar dari bumi Kelantan.²⁹

Dalam pada itu adaah wajar juga diambil ikhtibar keberanian dan kesediaan Tok Janggut mengambil tanggungjawab sebagai ketua Kebangkitan Pasir Puteh 1915. Padahal ketika kebangkitan berlaku dinyatakan Tok Janggut berusia 65 tahu. Usia Tok Janggut ini diambil kira daripada tahun keahirannya di Kampung Saring, Jeram pada hijrah 1268 (1850).³⁰

Sementara itu satu aspek lain yang boleh dihibau dan dihayati ialah pengaruh dan peranan agama Islam yang mempengaruhi perjuangan Tok Janggut yang membawa kepada Kebangkitan Pasir Puteh 1915. Aspek agama yang dimaksudkan ini ialah fahaman dan pegangan jihad. Apabila berbincang soal agama dan jihad, satu perkara yang tidak kurang pentingnya perlu dinyatakan dalam perbincangan ini ialah sumbangan semangat jihad yang berasal dari Turki. Pada tahun 1914, meletus Perang Dunia Pertama, dan kerajaan Turki Uthmaniah mengisytiharkan

tentangan terhadap Britain dan menyokong Jerman. Seterusnya pada tahun sama, 24 November 1914, Seikh-ul-Islam Khayri Effendi mengisytiharkan jihad terhadap Great Britain dan sekutunya, serta mempertahankan negeri dan penduduk Islam daripada kuasa kafir. Dalam usaha membendung penyiaran fahaman ini, kerajaan British Tanah Melayu pada 21 November 1914, mengeluarkan enakmen melarang akhbar menyiarkan berita perang Turki-Britain. Sementara itu Penasihat British Kelantan berjaya memujuk Sultan Muhammad Kelantan mengeluarkan edaran memaklumkan kepada rakyat Kelantan, Kerajaan Kelantan menyokong Great Britain. Namun begitu edaran ini tidak mampu menyekat penduduk Kelantan membaca, dan membincangkan perang Jerman dan Turki dengan Great Britain.³¹

Seterusnya kesan daripada perang Jerman dan Turki dengan Great Britain ini menjadi bertambah ketara di Kelantan selepas Dahagi Singapura 1915. Dalam Dahagi Singapura 1915, sekumpulan tentera British keturunan India Islam, melancarkan dahagi terhadap tentera British di Singapura kerana tidak puas hati terhadap minyak membersih rifel mengandungi lemak babi. Tersebar berita di Kelantan menyatakan tentera British tidak berjaya mengatasi dahagi ini. Sejak dahagi Singapura ini dinyatakan orang Kelantan memandang rendah terhadap orang Eropah, khasnya orang Inggeris. Selain itu terdapat juga dalam kalangan penduduk Kelantan yang mempercayai Turki, yang membantu Jerman berjaya mengalahkan Great Britain.³²

Sementara itu satu perkara lagi yang boleh dihibau dan dihayati daripada Kebangkitan Pasir Puteh 1915 ialah tindakan dan langkah pemimpin Kebangkitan Pasir Puteh adalah satu pengorbanan dalam perjuangan menegakkan agama, maruah, bangsa dan tanah air. Dalam hal perjuangan ini, Tok Janggut menyatakan perjuangannya bukan menderhaka kepada Sultan, tetapi membebaskan Pasir Puteh,

menegakkan pentadbiran tradisional, dan menghalau orang asing.³³ Dalam hal ini, pernyataan Tok Janggut, "membebaskan Pasir Puteh" tidak boleh ditafsirkan sebagai ingin membebaskan Pasir Puteh daripada pentadbiran Kota Bharu. Alasannya, dalam Kebangkitan Pasir Puteh 1915, Tok Janggut menjelaskan bahawa gerakannya itu bukan meentang dan menderhaka kepada Sultan. Dengan itu pernyataan Tok Janggut ini membuktikan Kebangkitan Pasir Puteh 1915 bukanlah membebaskan Pasir Puteh daripada pentadbiran Kota Bharu, tetapi bukan menderhaka kepada Sultan. Dengan lain perkataan, kebangkitan Tok Janggut ingin membebaskan Pasir Puteh daripada pelaksanaan dan penguatkuasaan peraturan baru.

Seterusnya soal pernyataan Tok Janggut tentang menegakkan pentadbiran tradisional. Perkara ini amat wajar juga dihimbau dan dihayati. Tidak dapat dinafikan memang terbukti, ketika beberapa hari menduduki pekan Pasir Puteh, dalam satu upacara, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad dilantik sebagai pemerintah Pasir Puteh. Dengan lain perkataan Engku Besar Jeram diangkat kembali ke jawatan asal yang diwarisi turun temurun sejak Long Jaafar atau Ghafar dilantik sebagai pemerintah pertama Pasir Puteh, dari Pasir Tumbuh ke sempadan Terengganu bergelar Engku BesarJeram pada abad ke-18.

Sehubungan itu terbukti bahawa isu membebaskan Pasir Puteh dan menegakkan pentadbiran tradisional tidak dapat dirujuk sebagai bahan bukti yang Kebangkitan Pasir Puteh 1915 berhasrat membebaskan Pasir Puteh daripada pentadbiran Kota Bharu. Begitu juga penglibatan tiga orang kerabat raja, Tengku Besar, Tengku Bendahara dan Tengku Chik Penambang menyokong Tok Janggut juga tidak boleh diambil sebagai bukti Kebangkitan Tok Janggut 1915 ini menderhaka kepada Sultan. Walaupun ada berita menyatakan apabila Kebangkitan Tok Janggut

berjaya, salah seorang daripada kerabat raja, kemungkinan besar Tengku Besar akan dilantik sebagai Sultan Kelantan baru. Pernyataan ini tidak dapat diterima dan dengan sendirinya tertolak dengan pernyataan Tok Janggut yang menyatakan tidak menderhaka kepada Sultan, dan adlah tanggungjawab penganut Islam membebaskan negeri daripada pentadbiran kafir. Sebaliknya, jika hendak dikaitkan sokongan kerabat raja Kota Bharu, Tengku Besar, Raja Bendahara dan Tengku Chik Penambang, ia boleh ditafsirkan hasrat kerabat raja ini mengambil kesempatan daripada kebangkitan Tok Janggut.

Seterusnya aspek lain yang juga boleh dihimbau dan dihayati daripada Kebangkitan Tok Janggut 1915 ini ialah isu peraturan baru yang dikuatkuasakan. Memang tidak dinafikan dalam Kebangkitan Tok Janggut 1915 ini tidak disebut kezaliman kerajaan Kelantan yang dinasihati Penasihat British menguatkuasa peraturan baru di Pasir Puteh. Namun begitu peraturan baru yang dikuatkuasakan ini memang menyusahkan penduduk, khususnya di Pasir Puteh. Penguatkuasaan peraturan baru ini menyebabkan penduduk diwajibkan antara lain mendaftar tanah dan membayar cukai. Jika ingkar mereka ditahan dan didenda. Oleh sebab itu tersebar berita yang menyatakan pentadbiran Pasir Puteh di bawah pimpinan pegawai jajahannya, Encik Abdul Latiff melakukan kezaliman terhadap penduduk Pasir Puteh. Perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran yang dirujuk sebagai zalim ini, menjadi salah faktor penduduk Pasir Puteh memberi sokongan kepada Tok Janggut yang menjalankan kempen menentang peraturan baru di Pasir Puteh.

Namun begitu perjuangan suci dan jihad Tok Janggut, dan mereka yang terlibat dalam Kebangkitan Tok Janggut 1915 dirujuk oleh kerajaan Kelantan yang dinasihati Penasihat British sebagai penderhaka. Selain itu mereka disalahkan oleh mahkamah,

dan dijatuhkan hukuman; antaranya penjara dan tembak. Padahal jika dihimbau Kebangkitan Pasir Puteh 1915, jelas dan nyata, perjuangan Tok Janggut dan rakan seperjuangan adalah membela agama, maruah dan tanah air daripada tindakan British melalui Penasihat British. Juga perjuangan di bawah pimpinan Tok Janggut ini adalah juga memertahankan nilai tradisional, antaranya Raja atau Sultan.

Kesimpulan

Kebangkitan Pasir Puteh 1915, pimpinan Tok Janggut, dan sokongan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad sudah 100 tahun berlalu. Walaupun begitu banyak kearifan boleh dihimbau dan dihayati daripadanya. Dengan itu sangat wajar generasi hari ini menghimbau kembali dan menghayati perjuangan Tok Janggut itu. Perjuangan Tok Janggut, Engku Besar Jeram, dan yang lain, seperti Penghulu Adam, Che Sahak, Haji Said, Tok Abas, Tok Husin, Tok Labuh dan Tok Deraman adalah gerakan menentang British, serta mempertahankan agama, maruah dan tanah air. Perjuangan mereka sangat suci, dan bukan menentang kerajaan atau menderhaka kepada Sultan. Dengan Tok Janggut bukan Penderhaka tetapi adalah Pejuang atau Patriot.

Nota Hujung

¹ Cheah Boon Kheng, (*To' Janggut (Old Long Beard): Legends Histories and Percption of the 1915 Rebellion in Kelanta*, Singapore: Singapore University Press, 2006, hlm. 8.

² Shaharil Talib, *History of Kelantan 1890-1940*, monograph No. 21, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1995, hlm. 159-160.

³ Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, hlm. 46.

⁴ Cheah Boon Kheng, (*To' Janggut (Old Long Beard): Legends Histories and Percption of the 1915 Rebellion in Kelanta*, hlm. 10.

⁵ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan Tok Janggut Dalam Konteks Gerakan Anti-British di Malaysia", Nik Anuar Nik Mahmud (editor), *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka?*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. 53-54.

⁶ C.O. 273/427, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan, 20 Julai

1915, terlampir Laporan Farrer, 31 Mei 1915.

⁷ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan Tok Janggut 1915 dan Naskah Sejarah Peperangan Tok Janggut", Abdullah Zakaria bin Ghazali (editor), *Warisan Kelantan XXV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2006, hlm. 3.

⁸ British Adviser Kelantan 297/195, Timbalan Pesuruhjaya Bangnara kepada Penasihat British Kelantan, 15 Februari 1915.

⁹ Abdullah Amirah, *Riwayat Tok Hidup Tok Janggut*, (jawi) Pulau Pinang: Sinaran Bros. Ltd., 1957, hlm. 8.

¹⁰ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915)*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 32.

¹¹ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan Tok Janggut 1915 dan Naskah Sejarah Peperangan Tok Janggut", hlm. 5.

¹² Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915)*, hlm. 48.

¹³ C.O. 273/426, Sir A. Young kepada Lewis Harcourt, Pejabat Tanah Jajahan London, 5 Mei 1915.

¹⁴ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915)*, hlm. 50-52.

¹⁵ C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt, 25 Mei 1915, enclosure 1, "A Copy of report of the proceeding of H.M.S. Cadmus at Kelantan", by H.D. Marryat (komander), 14 Mei 1915, terlampir Kolonel C.. Brownlow kepada Ibu Pejabat Negeri Selat, 16 Mei 1915.

¹⁶ C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt, Pejabat Tanah Jajahan London, 18 Mei 1915.

¹⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915)*, hlm. 55.

¹⁸ C.O. 273/426, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan London, 2 Jun 1915, terlampir *Straits Times*, 29 Mei 1915.

¹⁹ Ibrahim Nik Mahmud, "The Tok Janggut Rebellion of 1915", W.R. Toff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, hlm. 83.

²⁰ Pejabat Balai Besar Kelantan (PBK), 126/5, Peruwa-wa Notis, 12 Mei 1915.

²¹ PBK, 126/5, Peruwa-wa Notis, 20 Mei 1915.

²² PBK, 126/5, Peruwa-wa Notis, 23 Mei 1915.

²³ PBK, 126/5, Peruwa-wa Notis, 26 Mei 1915.

²⁴ Nik Anuar Nik Mahmud, "Kebangkitan Tok Janggut", Nik Anuar Nik Mahmud (disusun dan diedit oleh), *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka?*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. 36.

²⁵ PBK, 126/5, Peruwa-wa Notis, 8 Jun 1915.

²⁶ Nik Anuar Nik Mahmud, "Kebangkitan Tok Janggut", hlm. 38.

²⁷ PBK, 126/5, Peruwa-wa Notis, 18 September 1915.

²⁸ Nik Anuar Nik Mahmud, "Kebangkitan Tok Janggut", hlm. 23.

²⁹ Abdullah Zakaria Ghazali, "Agama, Politik dan Protes di Tanah Melayu", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 31-2003, hlm. 138-139.

³⁰ Nik Anuar Nik Mahmud, "Kebangkitan Tok Janggut", hlm. 23.

³¹ Ibid., hlm. 25-26.

³² Ibid., hlm. 28.

³³ C.O. 273/427, Arthur Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Taah Jajahan 20 Julai 1915, terlampir laporan Farrer, 31 Mei 1915. Lihat juga 273/427, Arthur Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan, 20 Julai 1915, terlampir enclosure 4, W. ongham Carter kepada Setiausaha esuruhjaya Tinggi, 12 Julai 1915, terlampir kenyataan Haji Mahmud, Mei 1915; kenyataan Haji Daud, 11 Mei 1915; kenyataan Awang Lah, 16 Mei 1915.